

# Sistem penyelenggaraan perlu dipertingkatkan

**IKLIM** yang tidak menentu menjadi antara punca utama kecacatan jalan raya sehingga menyebabkan kemalangan maut.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Law Teik Hua** berkata, faktor tersebut menyebabkan jalan tidak rata serta mudah berlubang.

“Jalan raya antara kemudahan yang menjadi perhatian orang ramai terutama berkaitan isu kesesakan dan kerosakan.

“Hujan merupakan salah satu faktor menyebabkan jalan raya mudah berlubang dan tidak sekata sehingga mengundang risiko kemalangan kepada pengguna,” katanya kepada *Utusan Malaysia Sabtu*.

Dalam keadaan cuaca tidak menentu sejak kebelakangan ini, katanya, jalan raya lebih mudah rosak tetapi pihak yang bertanggungjawab dilihat tidak memandangkan isu itu sebagai serius.

“Permukaan jalan yang berlubang dan tidak rata bukan sahaja menjejaskan keselesaan pengguna tetapi juga boleh membawa kerosakan kenderaan, sekali gus mengundang risiko kemalangan,” katanya.

Selain itu, katanya, penggunaan bahan turapan kurang berkualiti turut menjadi



**LAW TEIK HUA**

penyumbang terhadap permasalahan itu.

“Dengan peruntukan yang lebih kecil menyebabkan ada segelintir kontraktor menggunakan bahan lebih murah untuk membina jalan raya.

“Walau bagaimanapun, masalah itu tidak serius di lebuhraya

kerana pengendali konsesi terbabit menggunakan bahan turapan lebih berkualiti.

“Kaedah itu dibuat kerana kenderaan pada kelajuan tinggi boleh berhenti dalam jarak lebih pendek,” ujarnya.

Teik Hua turut menyarankan

supaya pihak terbabit melakukan kekerapan penyelenggaraan bagi memastikan jalan raya sentiasa berada dalam keadaan baik.

Katanya, langkah itu boleh dicapai dengan meningkatkan sistem pengurusan penyelenggaraan turapan seperti pengkelasan yang lebih baik terhadap keadaan jalan raya.

“Selain itu, pihak terbabit perlu menggunakan laman sosial sebagai medium utama dalam menyalurkan maklumat berkaitan keadaan jalan raya yang rosak supaya tindakan segera dapat diambil.

“Saya percaya penggunaan media sosial lebih mudah dan pihak terbabit dapat melakukan kerja penyelenggaraan dengan pantas,” ujarnya.